



Berkongsi ilmu bersama masyarakat kampung

UM 20.06.2012 26



PANG YUK MIN



AMER AZLAN

TAWAU 19 Jun - Kegigihan mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program bersama komuniti perlu dicontohi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) lain.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merotai, Pang Yuk Min berkata, program seperti itu selaras dengan usaha kerajaan membantu seluruh masyarakat termasuk di luar bandar.

“Sebagai mahasiswa yang mendapat ilmu sempurna di menara gading, tidak salah sekiranya ilmu itu dikongsi bersama anak-anak di sini.

“Selain dapat mencurahkan ilmu, anda juga dapat pengalaman baru dengan mempelajari cara hidup di kampung dan mengeratkan hubungan bersama komuniti di sini,” katanya pada majlis penutup program berkenaan, di sini

baru-baru ini.

Menurutnya, pihak kerajaan amat mengalu-alukan khidmat bakti mahasiswa dalam membantu masyarakat.

Katanya, bantuan yang diberikan mahasiswa amat penting memandangkan mereka mempunyai pelbagai idea yang bernas.

Sementara itu, Ketua Program Pengurusan Kewangan dan Perbankan UMS, Amer Azlan Abdul

Jamal berkata, pihaknya amat kagum dengan semangat yang ditunjukkan mahasiswa dalam mendekati masyarakat kampung.

“Ini membuktikan pelajar kita amat prihatin dengan masyarakat sekeliling malah melalui program itu ia membantu mereka menjadi graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi kaya dengan kemahiran insaniah,” ujarinya.